



AZMAN Mohamad (kanan) bersama anak saudaranya menunjukkan lokan di persisiran pantai Sungai Tebrau, Kampung Bakar Batu.

Lokan Sungai Tebrau penambah rezeki

UM 10/06/23 M 15 34

JOHOR BAHRU: Sebelum ini Sungai Tebrau di Kampung Bakar Batu dicemari dengan sampah sarap yang begitu banyak sehingga merosakkan hidupan laut.

Tetapi sejak usaha keras dilakukan oleh pihak kerajaan dan agensi swasta, persekitaran Sungai Tebrau semakin bersih daripada ancaman sampah.

Pelbagai usaha dilakukan bagi memastikan sepanjang Sungai Tebrau bersih dari pelbagai jenis sampah dengan mengadakan program gotong-royong dan pembersihan secara bertenusan oleh orang ramai.

Akhirnya setelah setahun operasi mengutip sampah dilakukan Sungai Tebrau kembali bersih, kini banyak hidupan laut kembali ke sarang bagi tujuan pembiakan.

Bagi seorang penduduk Azman Mohamad, 55, sejak Sungai Tebrau bersih hidupan laut seperti lokan banyak ditemukan dipersisiran pantai setiap kali air surut.

Menurutnya, dia boleh mendapat sehingga dua guni lokan sehari dalam masa tiga jam dengan mengorek tanah selepas air surut.

"Biasanya air mulai surut

sebelah pagi, jadi pada waktu itu saya akan turun ke Sungai Tebrau untuk mencari lokan.

"Saya akan turun awal pagi bersama isteri dan mula mencari lokan dengan mengorek tanah," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Menurut Azman, isteri dan dua anak saudaranya sama-sama mencari lokan yang banyak terdapat di sepanjang Sungai Tebrau berhampiran Kampung Bakar Batu.

Katanya, dua anak saudaranya, Sayang Nur Raudah Mohd. Alif, 13, dan Cinta Nur Ainun Mardiah, 11, amat gembira apabila diajak bersama-sama mencari lokan.

"Saya dapat belajar macam mana cara untuk mencari lokan yang baik dan ini merupakan satu bentuk pelajaran bagi mengisi masa lapang."

"Kalau rakan-rakan sebaya saya sibuk dengan gajet tapi saya memanfaatkan mencari lokan sebagai satu pelajaran baharu," kata Sayang Nur Raudah ketika ditemui di Sungai Tebrau.

Katanya, dia bersama adiknya, Cinta Nur Ainun Mardiah kini mahir bagaimana mencari lokan dalam tanah.